

Bekalan air agenda utama perbincangan

UM 2 JULI 2002

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 1 Julai — Menteri Luar Malaysia dan Singapura hari ini memulakan rundingan selama dua hari di sini bagi membincangkan isu bekalan air yang tertangguh sejak lebih tiga tahun lalu.

Isu itu dibincangkan secara pakej bersama isu-isu lain iaitu tanah Kertapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar, penggunaan pusat kastam, Imigresen dan kuarantin, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF).

Bekalan air dijangka menjadi agenda utama dengan perbincangan bertumpu kepada harga air mentah dan dirawat yang disalurkan dari Johor ke Singapura seperti yang dicadangkan oleh Malaysia sebelum ini.

Harga yang belum diumumkan itu dicadangkan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada Mac lalu.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong kemudiannya menghantar satu cadangan semula kepada Dr. Mahathir, tetapi ditolak oleh kerajaan Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam ucapan pembuka-

an sempena perbincangan itu di Wisma Putra hari ini berkata, kedua-dua pihak perlu mencari formula terbaik bagi memberi faedah kepada semua pihak terutama rakyat kedua-dua negara.

“Kita perlukan situasi menang-menang, kita perlu kreatif, bukan untuk menyulitkan lagi apa yang sukar, tetapi menyumbang untuk menyelesaikannya,” katanya.

Menurutnya, perhatian kedua-dua negara tertumpu kepada perjumpaan kali ini untuk menyelesaikan pakej rundingan tersebut yang amat perlu ke arah hubungan dua hala yang lebih baik.

“Tiga rundingan di peringkat pegawai kanan mengenai pakej tersebut sebelum ini gagal mencapai keputusan yang diharapkan,” katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar berkata, kedua-dua negara mempunyai kehendak politik untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan.

“Adalah penting walaupun kita mahu menegakan kepentingan negara masing-masing, kita tidak harus melupakan konteks yang lebih besar.

“Kita berada di sini untuk melihat bagaimana kita boleh memenuhi kepentingan pihak lain dan mencapai persetujuan,” katanya.

Singapura mendapat bekalan air mentah daripada Malaysia pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,540 liter) di bawah dua perjanjian yang akan berakhir pada tahun 2011 dan 2061.

Republik itu pula menjual air dirawat kepada Malaysia pada harga 50 sen setiap 4,540 liter.

Singapura sebelum ini mengumumkan sedia membayar sebanyak 45 sen setiap 4,540 liter air mentah sehingga tahun 2061 dan 60 sen bagi jumlah air yang sama selepas itu, tetapi dikatakan ditolak oleh para pegawai Malaysia.